



Anwar mahu penjawat awam tingkatkan martabat pentadbiran negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Februari 7, 2023 @ 9:18am
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Penjawat awam diingatkan untuk membebaskan rakyat negara ini daripada 'penghambaan' dalam setiap cara kerja dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia termasuk penindasan serta mengambil hak sehingga menyebabkan mereka tersisih.

Katanya, ketika ini cabarannya adalah untuk menyucikan dan mengangkat martabat pentadbiran negara ke tahap yang lebih tinggi dan terpuji.

Beliau berkata, bagaimana cara untuk perkara itu dapat dicapai sudah tersedia dalam Al-Quran.

"Kalau dalam kerja kita, jabatan kita, negara kita, tidak boleh terlepas daripada keikhlasan kita untuk bebaskan (rakyat).

"Dalam konteks kupasan ulama silam, disebut bebaskan manusia daripada perhambaan. Kupasan ulama semasa mengaitkan dalam apa bentuk penindasan manusia itu dihambakan atau separa hamba.

"Bebaskan rakyat kita, warga kita dan manusia itu daripada segala bentuk penindasan, perbodohkan rakyat, ambil harta rakyat hingga hak mereka tersisih," katanya pada Perjumpaan Bulanan dengan Warga Jabatan Perdana Menteri, di Dewan De' Seri Endon, di sini, pagi ini.

Atas dasar itu, Perdana Menteri berkata, beliau sering mengingatkan penjawat awam untuk mempunyai semangat dan komitmen menyeluruh bagi membebaskan rakyat negara ini daripada sebarang keterlanjuran dalam pentadbiran yang berlaku atau mungkin berlaku.

Beliau berkata, biarpun sering ditegur untuk tidak selalu menyebut mengenai perkara lama, namun keterlanjuran yang berlaku dalam negara membabitkan imej serta ekonomi adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan semua pihak.

Katanya, walaupun dalam tempoh beberapa bulan menerajui pentadbiran negara, sudah ada kesungguhan dalam menangani isu seperti pekerja asing dan bencana banjir dalam negara, selain kesungguhan rakan dalam pimpinannya serta penjawat awam, masih ada ruang untuk penambahbaikan.

Tanpa menamakan agensi atau kementerian tertentu, Anwar berkata, masih ada sedikit kecuaihan di peringkat penguatkuasaan yang akan menimbulkan keresahan rakyat, jika ia tidak ditangani.

"Kalau berbaris berjam-jam. untuk dapatkan lesen, bagi saya perlu diperbaiki.

"Saya selalu ambil contoh, apa kata kalau saya yang terpaksa berbaris di situ.

"Ataupun kalau dikata dalam kajian Perbendaharaan, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Khazanah, EPU (Unit Perancang Ekonomi) mengenai kadar kemiskinan yang menurun, miskin tegar, saya kata apa kata kalau keluarga saya dalam kategori itu?"

"Kalau lihat segi itu baru lah maksud bebaskan manusia dari segala bentuk perhambaan, penyahinsanian (dehumanisation), merendahkan martabat manusia, baru kita boleh memberi makna pada MADANI," katanya.

Sementara itu, perhimpunan bulanan JPM pagi ini adalah yang pertama kali diadakan dalam dewan sejak pentadbiran negara berpindah ke Putrajaya pada 1999.

Kira-kira 300 penjawat awam dari pelbagai agensi bawah Jabatan Perdana Menteri berhimpun di Dewan De' Seri Endon, di Puspanitapuri, di Presint 10.

Pada perhimpunan sebelum ini, Anwar dilaporkan berkata, ia perlu diadakan di tempat yang redup dan selesa.

Beliau dilaporkan berkata, berasa bersalah kerana bercakap panjang sedangkan penjawat awam terpaksa berpanas kerana perhimpunan bulanan itu dijalankan di Dataran Perdana Putra.